

PRESS RELEASE
KENYATAAN AKHBAR
Y.B. MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
MENGENAI KEMALANGAN NUKLEAR AKIBAT KEJADIAN
GEMPABUMI DAN TSUNAMI DI JEPUN

4 April 2011, 5 petang

KEADAAN DI JEPUN

1. Laporan dari Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) pada 3 April 2011 jam 8 malam waktu Malaysia mengesahkan keadaan masih serius di Stesen Kuasa Nuklear Fukushima Daiichi. Pada 4 April 2011 jam 1.15 pagi waktu Malaysia, adalah disahkan bekalan elektrik telah disalurkan bagi menggerakkan pam yang menyuntik air bersih ke dalam unit 1, 2 dan 3 loji nuklear di stesen tersebut manakala lampu telah dapat dinyalakan di dalam bangunan turbin di unit 1, 2, 3 dan 4.
2. IAEA dengan persetujuan kerajaan Jepun akan menghantar dua orang pakar loji nuklear ke Jepun. Objektif lawatan tersebut adalah untuk mendapatkan maklumat status semasa di Fukushima Daiichi, tindakan yang telah diambil dan perancangan akan datang untuk mengurangkan kesan kemalangan.

3. Data kadar dos yang diambil di dalam kawasan stesen Fukushima Daiichi dan Daini, dari 22 Mac sehingga 1 April menunjukkan tren yang menurun. Pengukuran kadar dos persekitaran bagi wilayah-wilayah lain selain dari Fukushima dari 23 Mac hingga 31 Mac juga menunjukkan tren yang menurun.
4. Keputusan analisa ke atas 111 sampel produk makanan (sayuran, strawberi, makanan laut, pelbagai jenis daging dan susu) yang diambil pada 15 dan 27 hingga 31 Mac 2011 di 8 daerah (Chiba, Fukushima, Gunma, Ibaraki, Kanagawa, Niigata, Tochigi dan Tokyo), 98 sampel menunjukkan kewujudan Iodin-131, Cesium-134 dan Cesium-137 yang amat rendah ataupun masih di bawah paras normal. Manakala, baki 13 sampel (di dalam bayam, sayuran berdaun, daun sadri dan daging) menunjukkan kewujudan Iodin-131 dan/atau Cesium-134 dan Cesium-137 melebihi nilai yang ditetapkan oleh pihak berkuasa Jepun. Kementerian Kesihatan, Buruh dan Kebajikan Jepun telah menyekat pengagihan dan pengambilan produk makanan tersebut.
5. Berdasarkan ramalan oleh pusat-pusat tindak balas kecemasan persekitaran di bawah Pertubuhan Meteorologi Sedunia, bagi tempoh sehingga 5 April 2011, pergerakan sebarang bahan cemar radioaktif iodin yang terlepas dari loji nuklear Fukushima Daiichi, diramal akan bergerak ke arah selatan dan baratdaya melitupi sebahagian kawasan barat dan baratdaya kepulauan Jepun, pulau-pulau yang berdekatan dan juga kawasan barat Lautan Pasifik.

Untuk tempoh tersebut sejumlah besar pencemaran radioaktif iodin jika ada, adalah di sekitar negara Jepun dan pulau-pulau serta kawasan Pasifik Barat yang berdekatnya

TINDAKAN OLEH MOSTI DENGAN KERJASAMA KEMENTERIAN-KEMENTERIAN BERKENAAN:

1. MOSTI masih meneruskan pemantauan secara aktif keadaan kemalangan nuklear di Jepun dan impak kepada negara kita melalui Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB), Agensi Nuklear Malaysia (ANM), Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) dan Malawakil Vienna & Malawakil Tokyo, Wisma Putra. Manakala Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pula memantau dari segi keselamatan makanan yang diimpot dari Jepun.
2. Pemantauan melalui Sistem Pemonitoran Radiologi Alam Sekitar (ERMS) di 6 lokasi seluruh Malaysia masih **menunjukkan paras normal**.
3. Lembaga Perlesenan Tenaga Atom, melalui Malawakil Vienna **telah memaklumkan data pemonitoran radiologi alam sekitar yang diperolehi dari 6 unit Sistem Pemonitoran Radiologi Alam Sekitar (ERMS) kepada Pusat Insiden dan Kecemasan, IAEA pada 1 April 2011. Selain dari Malaysia, sebanyak 12 negara lain juga turut berbuat demikian dan data tersebut sedang dianalisa oleh IAEA untuk membantu keadaan.**

4. Sehingga kini pemeriksaan telah dilaksanakan terhadap **90 penerbangan dari Jepun** ke Malaysia ke atas **penumpang-penumpang dan anak kapal**. Seramai **29 individu** pula telah datang ke AELB dan Agensi Nuklear Malaysia untuk mendapatkan khidmat pemantauan cecair. **Tiada kadar dedahan melebihi paras normal dikesan sehingga hari ini.**
5. Analisa telah dilakukan ke atas **air paip, air laut dan air hujan di sekitar Kudat**, Sabah pada 31 Mac 2011 dan **keputusan yang diperolehi menunjukkan tiada sebarang pencemaran radioaktif Iodin-131 atau Cesium-137 dikesan**. Nuklear Malaysia dengan kerjasama AELB juga sedang membuat persampelan air paip, air hujan, air laut dan tanah di beberapa kawasan di Semenanjung Malaysia bertujuan mengawasi pencemaran radioaktif.
6. Dari segi keselamatan makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa KKM sentiasa memantau dengan rapi situasi di Jepun selepas letupan loji nuklear akibat gempa bumi dan tsunami yang berlaku pada 11 Mac 2011 dan prihatin terhadap kebimbangan orang ramai mengenai keselamatan makanan yang diimport dari Jepun ke negara ini.
7. KKM memantau semua makanan yang diimport dari Jepun melalui sistem berkomputer di KKM iaitu *Food Safety Information System of Malaysia (FoSIM)*. FoSIM merupakan sistem pintar berasaskan web dalam pengurusan surveilans keselamatan makanan bagi memastikan makanan yang dijual di Malaysia adalah selamat. Sistem yang

dibangunkan oleh KKM semenjak 2003 ini mampu mengawal keselamatan makanan secara berkesan, pantas dan tepat.

8. Sehingga kini, sebanyak 70 sampel makanan dari Jepun telah dianalisis bagi kandungan bahan radioaktif dan didapati mematuhi tahap yang dibenarkan.
9. Maklumat terperinci mengenai hasil pemantauan makanan yang diimport dari Jepun boleh didapati di laman web Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM iaitu <http://fsq.moh.gov.my>.
10. KKM memaklumkan bahawa pengguna atau orang ramai tidak perlu berasa gusar dan kluatir dengan keselamatan makanan yang diimport dari Jepun. KKM tidak akan berkompromi dalam isu keselamatan makanan khususnya makanan yang diimport dari Jepun.
11. Kenyataan akhbar seterusnya akan dikeluarkan pada setiap hari Isnin, Rabu dan Jumaat. Manakala maklumat selingan yang sesuai untuk mempertingkatkan pemahaman orang awam dalam bidang teknologi nuklear akan dipaparkan pada setiap hari Selasa, Khamis dan Sabtu. Bagi sebarang pertanyaan, bolehlah merujuk kepada Pusat Maklumat Radiologi AELB melalui talian Hotline AELB 1 800 88 7999 atau di 03-8922 5848 atau melalui e-mel di MNR-Customer@aelb.gov.my
12. Maklumat teknikal boleh diperolehi di laman web;
 - a) Laman Web IAEA (www.iaea.org)
 - b) Laman Web MOSTI (www.mosti.gov.my)

- c) Laman Web AELB (www.aelb.gov.my)
- d) Laman Web Nuklear Malaysia (www.nuclearmalaysia.gov.my)
- e) Laman Web Kementerian Kesihatan Malaysia
(www.moh.gov.my)
- f) Laman Web Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan
(<http://fsq.moh.gov.my>)